

Kestar DB juara takraw SUKRA 2016

Buktikan kehebatan tewaskan regu Gastep 21-13, 21-15 pada pentas final

■ ZUBIR SULAIMAN

KUALA TERENGGANU

- Kelab Sepak Takraw (Kestar) Durian Burung (DB) muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Karnival Sukan Rakyat Terengganu (SUKRA) 2016 anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang berlangsung di Dewan Olimpik, Sekolah Sukan Malaysia Terengganu dekat sini.

Pada perlawanan pentas final itu Kestar DB yang diwakili regu B membuktikan kehebatan mereka apabila mudah mewaskan regu Gastep dengan kemenangan 21-13, 21-15.

Selaku juara regu Kestar DB yang ditarusi Mohd Sukri Mat Amin, Mohd Afiq Mat Amin dan Mohd Ridzuan Che Rashid berjaya membawa wang hadiah wang tunai RM1,000, medal serta sijil, manakala trio Gastep diketuai Maliki Mubi, Mohd Lokman Hakim serta Tuan Safri Tuan Mahmud menerima RM600 selaku naib juara.

Tempat ketiga bersama menjadi



Regu Kestar DB muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Karnival Sukan Rakyat Terengganu (SUKRA) 2016 anjuran UniSZA selepas menundukkan cabaran Gastep di Dewan Olimpik, Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.



Aksi pentas final pada set pertama menyaksikan saingan sengit antara Kestar DB dan Gastep (jersey kuning).

milik regu Kelab Sepak Takraw Tok Jiring (KSTJ) C dan Hanelang A selepas masing-masing tewas dalam saingan separuh akhir sekali gus meraih RM200 setiap pasukan.

Kejohanan yang julung kali diadakan itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 24 regu melibatkan kelab-kelab sepak takraw di negeri ini.

Penyelaras kejohanan, Muhammad Haris Jamil berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan dan pihaknya terpaksa mengehadkan penyertaan kepada 24 regu sahaja disebabkan kekangan masa.

Menurutnya, daripada jumlah itu sebanyak sembilan regu merupakan pasukan dari program pembangunan

an sukan sepak takraw negeri yang sedang membuat persiapan bagi membawa cabaran Terengganu pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) 2018 di Perak nanti.

"Apa yang boleh saya katakan, saingan sepanjang kejohanan ini berlangsung bukan sahaja seimbang malah regu-regu yang bertanding mula memparmerkan aksi sengit sebaik saingan suku akhir bermula.

"Melihat kepada perkembangan positif ini kita akan usul program ini agar dapat diteruskan sebagai acara tahunan yang sedikit sebanyak mampu menjadi medan buat pemintas sukan sepak takraw mengembangkan bakat mereka ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Tebus kekecewaan dua bulan lalu

Sementara itu, pengurus pasukan Kestar DB, Zaidi Omar menyifatkan kemenangan itu sebagai penghibur kekecewaan dua bulan lalu apabila sekadar melangkah ke saingan suku akhir pada kejohanan anjuran Bukit Apit Sepaktakraw Club (BASTAC) di Wakaf Tapai, Marang.

Katanya, pada kejohanan kali ini pihaknya hanya meletakkan sasarannya untuk mara ke separuh akhir, bagaimanapun kesungguhan yang ditunjukkan pemain telah membuktikan kemampuan sebenar mereka untuk bergelar juara.

"Sememangnya saingan yang diterima cukup singit terutamanya di peringkat suku akhir sehingga ke pentas final di mana regu kami diberi tentangan hebat.

"Malah semua pasukan yang bertanding, beraksi sejahtera dan dua pasukan yang mara ke final agak kelelahan jadi kami mengambil kesempatan dengan memberikan persembahan terbaik sekali gus merebut gelaran juara," katanya.

Dalam pada itu, Zaidi berkata, kejayaan itu juga bakal dijadikan suntikan semangat untuk mereka berdepan satu lagi Kejohanan Sepak Takraw Piala TTB yang akan berlangsung penghujung bulan ini.

Katanya, Kestar DB sekali lagi akan mempertaruhkan regu yang sama dan mengharapkan gandingan mantap itu mampu membawa kejayaan buat pasukan.

Difahamkan Kestar sudah berjaya aktif dalam sukan sepak takraw sejak 1993 dan berdaftar di bawah Persatuan Sepak Takraw Terengganu dengan di barisi lebih 20 pemain berusia antara 13 tahun sehingga 62 tahun.



Regu Gastep yang ditarusi Maliki Mubi, Mohd Lokman Hakim dan Tuan Safri Tuan Mahmud sekadar berpuas hati dengan gelaran naib juara.



Pasukan KSTJ C turut merakam kenangan selepas meraih tempat ketiga bersama pada Kejohanan SUKRA di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.